

LATIHAN FIQAH (KONSEP PERKAHWINAN DALAM ISLAM)

NAMA : _____

KELAS : _____

Tulis hukum perkahwinan bagi situasi berikut sama ada **WAJIB**, **SUNAT**, **MAKRUH** atau **HARAM**

NO.	SITUASI	JAWAPAN
1.	Ahmad adalah seorang usahawan berjaya dan berkeinginan berkahwin kerana khuatir akan terjebak dengan perzinaan.	
2.	Fitri ingin berkahwin dengan Fatin dengan tujuan untuk memperdagangkan Fatin.	
3.	Badrul ingin berkahwin tetapi dia menghidap penyakit kulit yang sangat serius dan sukar diubati.	
4.	Kamarul bekerja makan gaji dan mampu menjaga diri daripada perlakuan maksiat walaupun tidak berkahwin.	

Padankan rukun nikah berikut dengan syarat sah yang betul.

Bakal suami	Bakal isteri	Wali	Saksi	Akad
-------------	--------------	------	-------	------

NO.	SYARAT SAH	RUKUN NIKAH
1.	Tidak berada dalam iddah talak rajie.	
2.	Tidak buta, pekak dan bisu.	
3.	Tidak beristeri empat dalam satu masa.	
4.	Bukan muflis.	
5.	Tidak diselangi diam yang lama.	

Nyatakan hukum sama ada **SAH** atau **TIDAK SAH** bagi situasi berikut.

NO.	SITUASI	SAH / TIDAK SAH
1.	Ahmad mengahwini Nancy yang beragama Kristian.	
2.	Kareem berkahwin dengan Junaidah sepupunya.	
3.	Malik menikahkan anaknya sedangkan dia sedang berihram.	
4.	Selepas lafaz ijab nikah oleh wakil wali, Hamid terus menyambutnya dengan lafaz kabul.	
5.	Darwis merupakan seorang saksi pernikahan tetapi dia tidak faham lafaz nikah yang diucapkan.	
6.	Kamarul menerima nikah dengan Rose untuk tempoh tiga minggu.	